



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



KRAFTANGAN
MALAYSIA

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my | [f](#) [i](#) [s](#) KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROMOSI JUALAN INI KRAF MALAYSIA SEMPENA KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA 2023

NILAI, 23 NOVEMBER 2023 – Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) menganjurkan Promosi Jualan Ini Kraf Malaysia sempena Kempen Beli Barangan Malaysia 2023. Promosi ini diadakan bermula dari **14 hingga 26 November 2023** dari pukul **10.00 pagi hingga 10.00 malam** bertempat **AEON Mall, Nilai, Negeri Sembilan**. Turut hadir Encik Syardi bin Muhammad, Pengarah Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Penganjuran Promosi Jualan Ini Kraf Malaysia sempena Kempen Beli Barangan Malaysia 2023 merupakan inisiatif dan kerjasama antara Kraftangan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDNKS). Promosi ini adalah untuk merancakkan pasaran dan promosi produk kraf tempatan. Objektif penganjuran program adalah seperti berikut:

- Menyediakan platform pemasaran kepada usahawan kraf dalam memasarkan produk kraf Malaysia sekaligus membantu meningkatkan pendapatan usahawan;
- Meningkatkan kesedaran dan sokongan pengguna terhadap identiti dan kualiti produk kraf Malaysia; dan
- Menyemai semangat kebanggaan terhadap pemakaian dan penggunaan produk kraf Malaysia dalam kalangan masyarakat terutama generasi muda.

Promosi yang berlangsung selama 13 hari ini melibatkan seramai 27 orang usahawan kraf dalam bidang hasil rimba, hasil tanah, hasil logam dan aneka kraf.

-TAMAT-